

# Pasukan Menembak TUDM Bertanding Dalam 2016 CSSG Defensive Pistol Invitational Match

[airforce.mil.my/arkib/arkib/518-pasukan-menembak-tudm-bertanding-dalam-2016-cssg-defensive-pistol-invitational-match](http://airforce.mil.my/arkib/arkib/518-pasukan-menembak-tudm-bertanding-dalam-2016-cssg-defensive-pistol-invitational-match)



KUALA LUMPUR, 31 Jan 16 - Pasukan menembak IPSC TUDM telah menyertai pertandingan berkonsepkan *defensive pistol shooting* yang diselenggarakan oleh *City Square Shooting Gallery (CSSG)*. Pertandingan tersebut yang menggunakan format IDPA telah menyaksikan penyertaan dari pelbagai agensi penguatkuasaan awam seperti SPRM, PDRM, pasukan pengawal keselamatan dan penembak awam perseorangan.

Sebanyak dua pasukan telah berentap iaitu *Eagle 1 & 2*. Pasukan ini telah berjaya merangkul beberapa pingat dalam pelbagai *Division* yang dipertandingkan iaitu *Stock Service Pistol (SSP)*, *Enhanced Service Pistol (ESP)* dan *Optics Competition Pistol (OCP)*. Berikut adalah pencapaian pasukan TUDM dalam pertandingan tersebut:

*OCP Overall Champion* - LUK Khairul Azri bin Mohamad Roslan

*High Military* - LUK Khairul Azri bin Mohamad Roslan

*ESP Team 1st* - Mej Helmi bin Marjuni TUDM

Kpl U Idham bin Idris

LUK Wan Muhammad Aminuddin bin Wan Mohd Yusof

LU I Zulkarnain bin Ahmed Sawi

*ESP Sharpshooter 2nd* - Kpl U Idham bin Idris

*ESP Sharpshooter 3rd* - LUK Wan Aminuddin bin Wan Mohamed Yusof

*ESP Marksman 3rd* - Mej Helmi bin Marjuni TUDM

*ESP Marksman 2nd* - LU I Zulkarnain bin Ahmed Sawi

*SSP Marksman 3rd* - Yazrol Shah bin Mohamad

Keseluruhan lapan *stage* telah diharungi peserta dalam pertandingan tersebut. Dalam siri kali ini barisan penembak TUDM adalah terdiri daripada gabungan pegawai-pegawai dan penembak dari Persatuan Menembak TUDM dan PASKAU dari Rejimen TUDM.